

21/10/1998

Desa terkenal tiada talian telefon

Anak Jati

SELAKU rakyat Malaysia, saya begitu berbangga dengan kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mempunyai wawasan tinggi. Beliau seorang pemimpin yang berjaya membawa Malaysia ke era teknologi maklumat. Dengan adanya teknologi maklumat masa kini, segala urusan dan segala perhubungan jarak jauh menjadi dekat.

Ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang bekerja dan belajar keluar negara boleh melepaskan rindu dengan mendengar suara anak-anak mereka malah ada yang boleh melihat wajah anak mereka melalui skrin, sambil berbual.

Saya juga mengucapkan syabas kepada syarikat Telekomunikasi yang ada di Malaysia kerana banyak berbakti kepada rakyat Malaysia. Saya percaya syarikat Telekomunikasi membelanjakan berbilion ringgit demi menyahut seruan pucuk pimpinan kita. Tetapi sejauhmanapun kemajuan dan kejayaan teknologi yang telah kita capai tidak akan bermakna kerana masih ada kampung yang belum mempunyai kemudahan telekomunikasi walaupun teknologi itu sudah lama diperkenalkan.

Di sini ingin saya nyatakan rasa sedih, kerana Kampung Siam pada namanya tetapi keseluruhan penduduk kampung ini adalah Melayu yang terletak dalam daerah Gurun, masih belum mendapat kemudahan telefon. Jaraknya hanya beberapa kilometer saja dari Gurun dan Guar Cempedak.

Jika dikaji dari segi sejarah kawasan Guar Cempedak dan Gurun ini telah lama terkenal bukan saja di seluruh Malaysia tetapi seluruh dunia.

Di sini terkenal dengan Terusan Wan Muhammad Saman yang dibina untuk kemudahan pengairan sawah padi. Gurung Jerai pula menjadi panduan kepada saudagar yang datang dari India untuk masuk ke Sungai Merbok dan Candi Lembah Bujang yang menjadi tapak bersejarah yang membuktikan penempatan pertama kaum India di bahagian utara negara ini. Walau sudah sekian lama sejarah membuktikan kampung saya dikenali seluruh dunia tetapi, hingga kini masih belum mempunyai kemudahan telefon.

Dengan adanya pendedahan ini saya harap supaya rajin-rajinlah pemimpin atau wakil yang dipilih oleh rakyat, untuk menjenguk masalah rakyat di kampung-kampung. Bak kata pepatah 'Jangan jadikan padi semusim untuk makan setahun' atau dengan kata lain menjenguk rakyat ketika musim-musim pilihanraya saja.

Keprihatinan dari pemimpin telah lama didahagai penduduk kampung ini.